



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

---

**PANDUAN PENILAIAN PEMBAHARUAN PERSONEL  
PENILAIAN DAN VERIFIKASI (PPV)**

**1. Tujuan Penilaian**

Penilaian Pembaharuan Personel Penilaian Dan Verifikasi (PPV) adalah untuk memastikan pengetahuan dan kefahaman PPV dari segi panduan, peraturan, penugasan dan pelaksanaan adalah terkini sebelum memperbaharui lantikan.

**2. Personel yang Layak Menduduki Penilaian**

PPV yang telah tamat atau akan tamat tempoh lantikan dan ingin membuat pembaharuan adalah layak memohon untuk menduduki penilaian ini. Personel Penilaian Dan Verifikasi yang terlibat adalah terdiri daripada Empat (4) jawatan lantikan iaitu;

- i. PPL-SLaPB : Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah;
- ii. PPL-SLDN : Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional;
- iii. PP-PPT : Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu;
- iv. PPL-PPT : Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu;

**3. Tempoh Layak Memohon**

Sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh lantikan atau telah tamat tempoh.

#### 4. Tatacara Membuat Permohonan

PPV yang berkelayakan perlu membuat permohonan **secara atas talian [myspike.com](http://myspike.com)** dengan merujuk kepada pautan [Pegguna>Permohonan Pengguna>Klik Kursus Induksi>Mohon Kursus Induksi>Pilih “Penilaian Pembaharuan PPV”>Papar Senarai Kursus>](#) dengan memilih siri penilaian mengikut zon wilayah yang hampir dengan tempat tinggal PPV.

#### 5. Tawaran dan Pengesahan Kehadiran

PPV yang berjaya akan **dimaklumkan melalui MySPIKE** dan **emel**. PPV perlu membaca dan memahami setiap kandungan dan lampiran yang disertakan dengan teliti. PPV juga dikehendaki membuat pengesahan kehadiran seperti dinyatakan bersama surat tawaran.

#### 6. Sukatan Penilaian

Sukatan penilaian ini akan mengambil kira peranan dan tanggungjawab pakar yang dilantik.

Bil	Modul	Kandungan modul
1	Pengiktirafan Personel SPKM	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Syarat dan kriteria Pelantikan PPV;</li><li>b. Syarat dan kriteria Pelantikan Personel Pusat Bertauliah (PPKSPP)</li><li>c. Syarat dan prosedur kemaskini / pembaharuan Pelantikan PPV dan Pelantikan Personel Pusat Bertauliah (PPKSPP);</li><li>d. Etika personel</li></ul>

2	<p><b>Malaysia Occupational Skill Qualification (MOSQ)</b></p> <p>2.1 Kaedah Pentauliahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pentauliahan Pusat Bertauliah <ul style="list-style-type: none"> <li>i. NASDA</li> <li>ii. KAPPK</li> <li>iii. Syarat Pentauliahan</li> </ul> </li> <li>b. Pelaksanaan Program Latihan Melalui Pentauliahan Pusat <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pusat bertauliah</li> <li>ii. Program Perantisan (PSMB)</li> <li>iii. MOTOUR</li> <li>iv. VTOEM</li> <li>v. NCS</li> <li>vi. Program Penyelian (T-010-3)</li> </ul> </li> <li>c. Persijilan Melalui Pentauliahan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kerja Kursus</li> <li>ii. Final Exam</li> <li>iii. Latihan Industri</li> <li>iv. Projek Tahun Akhir</li> </ul> </li> <li>d. Lain-lain maklumat berkaitan penugasan</li> </ul>
---	-----------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Bil	Modul	Kandungan modul
3.	<p><b>Malaysia Occupational Skill Qualification (MOSQ)</b></p> <p>3.1 Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Permohonan dan pendaftaran</li> <li>b. Kaunseling dan penilaian</li> <li>c. Verifikasi</li> <li>d. Persijilan</li> <li>e. Lain-lain maklumat berkaitan penugasan personel PPT (PP-PPT/ PPL-PPT)</li> </ul>
4.	<p>Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tauliah : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Syarikat (calon, kelayakan, borang, panduan)</li> <li>ii. Pusat Latihan (calon, borang, panduan)</li> </ul> </li> <li>b. Pelaksanaan Latihan (social skills, value) <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Blok</li> <li>ii. Day release</li> <li>iii. Pair / in-house</li> </ul> </li> <li>c. Penilaian <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kaedah Penilaian</li> <li>ii. Kaedah Pemarkahan ( borang )</li> </ul> </li> <li>d. Persijilan</li> <li>e. Tuntutan</li> <li>f. Sistem Jaminan Mutu</li> </ul>
5.	<p>National Occupational Skills Standard (NOSS)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Format baru</li> <li>b. Istilah berkaitan</li> <li>c. Daftar NOSS</li> <li>d. Bank Soalan – Penyediaan Soalan/ Pembangunan Soalan/ Kategori Soalan</li> </ul>

## 7. Kaedah Penilaian

Penilaian Pembaharuan PPV ini merupakan penilaian satu hari penuh dan akan dijalankan melibatkan dua (2) mod penilaian dan setiap calon akan dinilai secara;

7.1 Penilaian Pembentangan Kajian Kes

7.2 Penilaian Bertulis

### 7.1 Penilaian Pembentangan Kajian Kes

- Setiap calon akan diberikan beberapa soalan kajian kes yang berkaitan dengan modul yang dinilai dan setiap calon wajib menyelesaikan **satu soalan sahaja** dengan merujuk kepada **soalan yang ditetapkan oleh urusetia**.
- Setiap calon **wajib** menjawab soalan kajian kes secara pembentangan individu.
- Pembentangan individu perlu dibuat menggunakan format *powerpoint* dan perlu menyediakan 3 salinan bercetak untuk rujukan panel.
- Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.
- Pembentangan individu ini adalah selama 30 minit yang merangkumi 15 minit sesi persembahan dan 10 minit sesi soal jawab dan 5 minit rumusan panel.
- Pemarkahan akan diberikan secara individu dan berikut adalah kriteria penilaian pembentangan individu.

Bil	Kriteria Penilaian	Markah (%)
1	Isi kandungan	25
2	Persembahan	10
3	Penyelesaian Masalah	35
4	Kreativiti	10
<b>Jumlah Markah</b>		<b>80</b>

## 7.2 Penilaian Bertulis

- Setiap calon adalah diwajibkan untuk mengambil bahagian di dalam penilaian bertulis yang terdiri daripada 2 bahagian iaitu Objektif dan Esei.
- Soalan penilaian bertulis merangkumi 20 soalan objektif dan 1 soalan esei yang berkaitan 5 modul seperti berikut:-
  - a) Pengiktirafan Personel SPKM
  - b) *National Occupational Skills Standard (NOSS)*
  - c) Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)
  - d) Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
  - e) Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- Markah penilaian bertulis adalah 20%.

## 8. Pemarkahan Penilaian

Pemarkahan Penilaian ini akan mengambil kira pecahan markah berikut;

- |                                      |              |
|--------------------------------------|--------------|
| 1. Penilaian Pembentangan Kajian Kes | : 80%        |
| 2. Penilaian Bertulis                | : <u>20%</u> |
| <b>Jumlah Markah : 100%</b>          |              |

Setiap calon perlu mencapai **markah minimum 60%** untuk lulus penilaian pembaharuan PPV dan calon yang gagal perlu mengulang pada siri penilaian yang berlainan

## 9. Rujukan

Calon boleh merujuk kepada panduan dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa serta nota-nota slide kursus induksi pentauliahahan SPKM di laman web JPK dan CIAST.

